

**Umno Kuala Kedah Anjur Program Riadah Berbasikal Untuk Lahir Masyarakat Sihat Bernama  
8 Januari , 2012**

ALOR SETAR, 8 Jan (Bernama) -- Program riadah berbasikal anjuran Umno bahagian Kuala Kedah bermula hari ini yang bertujuan melahirkan masyarakat sihat dan cergas mendapat sambutan golongan belia.

Program pertama itu bermula di rumah ketua Umno bahagian, Datuk Latt Shariman Abdullah di Pesiaran Sultan Abdul Hamid di sini ke Kampung Kuala Kangkung sejauh 50 kilometer disertai lebih 50 orang.

Latt Shariman, yang juga Pegawai Tugas-tugas Khas Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, turut mengayuh basikal bersama-sama mereka bermula 6.45 pagi sehingga tamat dan minum pagi bersama mereka di Kampung Kuala Kangkung.

Di kampung itu, Latt Shariman menyumbangkan 10 buah basikal masing-masing kepada Kelab Rekreasi Kampung Alor Pulai dan Kampung Sungai Papan untuk kegunaan anggota kelab mereka beriadah.

Hafiz Norsham, 19, yang mewakili Kampung Alor Pulai berkata program tersebut sekiranya diadakan lebih kerap dapat menjauhkan golongan belia yang tercari-cari aktiviti untuk diceburi.

Rakannya dari Kampung Sungai Papan, Mohd Fauzi Md Ariff, 30, turut menyambut baik program itu kerana ia mencetuskan minat di kalangan remaja untuk menyertai aktiviti atau sukan berbasikal.

"Aktiviti riadah dengan menunggang basikal boleh membentuk ketahanan mental, jiwa dan fikiran sihat selain menjadi asas melahirkan penunggang basikal lasak atau pelumba basikal untuk mewakili negara," katanya.

Ketika ditemui selepas itu, Latt Shariman berkata beliau akan menjelajah seluruh Parlimen Kuala Kedah meliputi kawasan Dewan Undangan Negeri Anak Bukit, Pengkalan Kundor dan Kubang Rotan melalui program itu sekali setiap dua minggu.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=638605>